1.	<b>KEMATIAN</b> berlaku dalam masa dua puluh empat (24) bulan kalendar dari tarikh kemalangan	Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan untuk perkara ini di dalam Jadual Polisi
2.	<b>HILANG UPAYA KEKAL</b> berlaku dalam masa dua puluh empat (24) bulan kalendar dari tarikh kemalangan	Sejumlah amaun berdasarkan Manfaat maksimum yang dinyatakan untuk perkara ini di dalam Jadual Polisi selaras dengan tahap hilang upaya kekal yang dialami oleh Pihak Diinsuranskan yang akan ditentukan sejajar dengan Jadual Hilang Upaya Kekal yang dinyatakan di sini.
3.	<b>HILANG UPAYA SEMENTARA</b> a) <b>HILANG UPAYA SEMENTARA MENYELURUH</b> menghalang Pihak Diinsuranskan secara menyeluruh dan sepenuhnya daripada menjalankan semua tanggungjawab yang berkaitan dengan perniagaan beliau atau sebarang bentuk pekerjaan.  b) <b>HILANG UPAYA SEPARA SEMENTARA</b> menghalang Pihak Diinsuranskan daripada menjalankan sebahagian besar dan penting dalam pekerjaannya. Jika Pihak Diinsuranskan tidak bekerja semasa kemalangan berlaku, tiada manfaat akan dibayar di bawah perkara ini.	a) 100% jumlah diinsuranskan seperti yang dinyatakan untuk perkara ini di dalam Jadual Polisi untuk setiap minggu dalam tempoh yang tidak melebihi 52 minggu dari tarikh kemalangan.  b) Jumlah diinsuranskan seperti yang dinyatakan untuk perkara ini di dalam Jadual Polisi untuk setiap minggu dalam tempoh yang tidak melebihi 52 minggu
4.	<b>PERBELANJAAN PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN</b> yang perlu ditanggung untuk kecederaan yang berkaitan dengan Manfaat dengan syarat Pihak Diinsuranskan tidak berhak mendapat manfaat ini atau Manfaat seumpamanya di bawah mana-mana Polisi Insurans lain.	Amaun sebenar yang ditanggung tetapi tertakluk kepada Jumlah Diinsuranskan maksimum yang dinyatakan untuk perkara ini di dalam Jadual Polisi berkaitan dengan mana-mana satu tuntutan atau rantaian tuntutan yang timbul daripada kemalangan yang satu dan sama.

#### Manfaat Khas

Manfaat Khas berikut akan dibayar dengan syarat Manfaat 1 & 2 yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi telah diinsuranskan di bawah Polisi ini:-

- (a) Elaun Pengebumian, Penguburan atau Pembakaran Mayat sebanyak RM2,000 akan dibayar kepada waris terdekat Pihak Diinsuranskan atau wakil peribadi sah selepas maklumat dan bukti yang memuaskan diserahkan kepada Syarikat.
- (b) Caj sebenar ambulans untuk membawa Pihak Diinsuranskan (disebabkan oleh kecederaan tubuh badan yang berpunca daripada kemalangan) melalui jalan raya ke hospital apabila perlu tetapi tertakluk kepada jumlah maksimum RM200 setiap kemalangan.

**JADUAL HILANG UPAYA KEKAL**

<b>KECEDERAAN</b>	<b>PERATUSAN DARIPADA JUMLAH DIPILIH</b>	
Kehilangan dua anggota	100%	
Kehilangan kedua-dua tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari		
Kehilangan menyeluruh penglihatan pada kedua-dua mata		
Lumpuh menyeluruh		
Kecederaan menyebabkan kekal terlantar di katil		
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya menyeluruh dan kekal		
Kehilangan tangan dari bahu		
Kehilangan tangan di antara bahu dan siku		
Kehilangan tangan dari siku		
Kehilangan tangan antara siku dan pergelangan tangan		
Kehilangan tangan dari pergelangan tangan		
Kehilangan empat jari dan ibu jari pada satu tangan		50%
Kehilangan empat jari		40%
Kehilangan ibu jari	25%	
- kedua-dua falanks		
- satu falanks	10%	
Kehilangan jari telunjuk	10%	
- tiga falanks		
- dua falanks		8%
- satu falanks	4%	
Kehilangan jari tengah	6%	
- tiga falanks		
- dua falanks		4%
- satu falanks	2%	
Kehilangan jari manis	5%	
- tiga falanks		
- dua falanks		4%
- satu falanks	2%	
Kehilangan jari kelengkeng	4%	
- tiga falanks		
- dua falanks		3%
- satu falanks	2%	
Kehilangan metakarpal	3%	
- pertama atau kedua (tambahan)		
- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%	
Kehilangan kaki	100%	
- dari pinggul		
- di antara lutut dan pinggul		
- di bawah lutut		
Kehilangan jari kaki	15%	
- semua		
- ibu jari, kedua-dua falanks		
- ibu jari, satu falanks		2%
- selain ibu jari, jika lebih dari satu jari	1%	
Mata – kehilangan:	100%	
- seluruh mata		
- penglihatan		
- penglihatan kecuali pengamatan cahaya		50%
- kanta	50%	
Kehilangan pendengaran	75%	
- kedua-dua telinga		
- satu telinga		15%
Kehilangan pertuturan	75%	

- Hilang penggunaan menyeluruh dan kekal anggota badan akan dianggap sebagai kehilangan anggota badan.
- Mana-mana Hilang Upaya Kekal yang tidak disenaraikan di atas akan dibayar berdasarkan tahap Hilang Upaya Kekal berbanding kes yang disenaraikan di atas tanpa mengambilkira pekerjaan Pihak Diinsuranskan.

- Jika berlaku lebih daripada satu Hilang Upaya Kekal yang disenaraikan berpunca daripada Kecederaan tubuh badan akibat mana-mana satu kemalangan, Jumlah Manfaat dibayar akan dikira dengan menambah peratusan untuk setiap Hilang Upaya Kekal dengan syarat agregat semua manfaat dibayar untuk mana-mana satu kemalangan tidak melebihi 100%.
- Tahap Hilang Upaya Kekal akan ditentukan oleh perjanjian di antara Pihak Diinsuranskan dan Syarikat dalam tempoh DUA PULUH EMPAT (24) bulan kalendar dari tarikh berlakunya kemalangan. Jika terdapat perselisihan pendapat, ia akan ditentukan oleh pemeriksaan perubatan yang akan dilakukan oleh dua pakar bedah, satu dilantik oleh Pihak Diinsuranskan dan satu lagi oleh Syarikat. Kedua-dua pakar bedah dipilih, jika masih berselisih pendapat, boleh melantik pakar bedah ketiga. Keputusan kedua-dua pakar bedah secara bertulis (jika mereka bersependapat), atau jika terdapat perselisihan pendapat di antara mereka, keputusan pakar bedah ketiga akan mengikat ke atas Pihak Diinsuranskan dan Syarikat.

**HAD**

- Untuk layak mendapat Manfaat yang berkaitan dengan Perkara 1, 2, 3 atau 4 di bawah Jadual Manfaat atau Manfaat Khas, Pihak Diinsuranskan mestilah telah menerima rawatan perubatan daripada dan berterusan di bawah penjagaan pengamal perubatan layak dan berdaftar kecuali jika Pihak Diinsuranskan meninggal dunia sebelum mendapat rawatan perubatan, tertakluk bahawa usaha yang munasabah telah dibuat dengan serta-merta selepas kemalangan itu untuk mendapatkan rawatan perubatan tersebut.
- Pihak Diinsuranskan berhak mendapat Manfaat di bawah Perkara 3 sebagai tambahan kepada Manfaat di bawah Perkara 1 atau 2 di atas tertakluk bahawa jumlah agregat amaun dibayar tidak melebihi amaun yang dinyatakan di bawah Perkara 1 atau 2 di atas, yang mana lebih tinggi. Bagaimanapun, kelayakan ini tidak akan dibayar sehingga jumlah amaun yang perlu dibayar telah dipersetujui.
- Untuk manfaat di bawah Perkara 4, Syarikat akan membayar hanya perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh atau bagi pihak Diinsuranskan tetapi jumlah amaun tersebut tidak boleh melebihi amaun maksimum yang dinyatakan untuk Manfaat 4.
- Tempoh agregat di mana amaun dibayar di bawah Perkara 3(a) dan 3(b) tidak boleh melebihi 104 minggu.

**BAHAGIAN III – LIABILITI PERIBADI**

Syarikat bersetuju bahawa berkaitan dengan liabiliti yang timbul daripada kemalangan semasa Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual, ia akan tertakluk kepada Terma-terma Polisi ini, memberi indemniti kepada Pihak Diinsuranskan daripada semua jumlah yang mungkin perlu Pihak Diinsuranskan bayar secara undang-undang untuk kecederaan tubuh badan akibat kemalangan kepada mana-mana individu dan kerosakan akibat kemalangan kepada hartabenda dan akan, sebagai tambahan membayar kos dan perbelanjaan pihak menuntut serta akan bertanggungjawab untuk semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dengan kebenaran Syarikat dalam mempertahankan sebarang tuntutan untuk kecederaan atau kerosakan tersebut. Jika berlaku kematian Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan, berkaitan dengan liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan, memberi indemniti kepada wakil peribadi Pihak Diinsuranskan di bawah terma ini dan tertakluk kepada had Polisi ini, dengan syarat wakil peribadi tersebut akan memenuhi dan mematuhi Terma-terma Polisi ini selagi ianya diguna pakai.

**Pengecualian Khas kepada Bahagian III**

Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah polisi ini untuk perkara yang berkaitan dengan:-

- sebarang kemalangan yang berlaku di luar Kawasan Geografi
- kecederaan kepada mana-mana individu yang merupakan ahli rumah yang sama dengan Pihak Diinsuranskan atau semasa mengalami kemalangan sedang berkhidmat dengan Pihak Diinsuranskan
- kerosakan kepada hartabenda yang dimiliki oleh atau di bawah pengawasan atau kawalan Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja atau ejen Pihak Diinsuranskan

- 4) kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau timbul daripada:-
  - a) tempoh keempunyaan atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Diinsuranskan
  - b) mana-mana profesion perdagangan atau perniagaan Pihak Diinsuranskan atau apa-apa yang dilakukan berkaitan dengannya atau bagi tujuan tersebut
  - c) Keempunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Diinsuranskan mana-mana
    - i. haiwan selain daripada anjing, kucing atau kuda
    - ii. kenderaan yang digerakkan secara mekanikal atau ditarik oleh haiwan, selain daripada mana-mana kenderaan tersebut yang mana Pihak Diinsuranskan dibawa sebagai penumpang sahaja dan di mana beliau bukan pemilik atau penyewa di bawah perjanjian sewa-beli dan orang tersebut tidak mempunyai kenderaan tersebut di dalam simpanan atau kawalannya
    - iii. kapal atau pesawat kecuali yang berkaitan dengan liabiliti Pihak Diinsuranskan (selain daripada liabiliti yang timbul daripada kemalangan mana-mana kapal atau pesawat udara) untuk rakan-rakan penumpang di dalam kapal atau pesawat udara di mana Pihak Diinsuranskan di dalam perjalanan sebagai penumpang sahaja
  - d) penggunaan mana-mana kuda untuk perlumbaan, polo, memburu atau memandu sebarang kenderaan
  - e) penggunaan sebarang senjata api, pistol lembing dan busur silang/lentik, dan sebarang senjata lain
- 5) liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan melalui perjanjian melainkan jika liabiliti tersebut akan mengikat kepada Pihak Diinsuranskan tanpa mengambil kira perjanjian tersebut
- 6)
  - a) Gantirugi untuk pampasan berkaitan dengan penghakiman yang ditentukan atau diperolehi buat kali pertama oleh Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam Kawasan Geografi.
  - b) Kos dan perbelanjaan litigasi yang diperolehi oleh mana-mana pihak menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak berlaku di dalam dan boleh diperolehi di dalam Kawasan Geografi.
- 7) liabiliti yang berkenaan dengannya di mana Pihak Diinsuranskan berada atau akan berada, dengan kewujudan Polisi ini menanggung rugi di bawah mana-mana polisi insurans yang lain; jika ia berlaku indemniti di bawah Polisi ini tidak akan digunapakai sehingga amaun penuh indemniti di bawah polisi lain telah diguna pakai setakat yang perlu untuk menunaikan liabiliti tersebut
- 8) sebarang bentuk liabiliti untuk
  - a) kecederaan diri atau kecederaan tubuh badan atau kehilangan pampasan kepada atau kehilangan penggunaan atau hartanah atau disebabkan secara langsung oleh resapan, pencemaran atau kontaminasi
  - b) Kos untuk mengeluarkan, meniadakan atau membersihkan bahan-bahan resapan, pencemaran atau kontaminasi
  - c) Denda, penalti, pampasan punitif atau teladan
- 9) sebarang kesan sampingan rusuhan dan kekecohan awam

Dalam pengecualian ini pernyataan :-

"kapal atau pesawat" akan bermaksud mana-mana kapal, pesawat atau benda yang dibuat atau dirancang untuk terapung atas atau melalui air atau udara.

"KAWASAN GEOGRAFI" akan bermaksud MALAYSIA DAN REPUBLIK SINGAPURA

#### Syarat Khas kepada Bahagian III

- 1) Liabiliti Syarikat di bawah seksyen ini di dalam Polisi adalah terhad kepada Jumlah Diinsuranskan di bawah Manfaat 1 Bahagian 1 – Kemalangan Diri yang dinyatakan di dalam Jadual atau RM250,000 untuk mana-mana satu kemalangan yang mana lebih rendah, dan dalam apa keadaan gabungan liabiliti maksimum Syarikat di bawah semua polisi Insurans Kemalangan Diri PREFERRED (individu atau kumpulan) yang melindungi Pihak Diinsuranskan yang sama, tidak boleh melebihi RM250,000 untuk mana-mana satu kemalangan.

- 2) Jika semasa timbul sebarang tuntutan di bawah bahagian ini di dalam Polisi ini, dan terdapat mana-mana insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada perkadarannya.

#### BAHAGIAN IV – PENGEUALIAN AM

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya atau kemalangan atau sebarang bentuk liabiliti atau sebarang kerugian sampingan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berpunca daripada atau disumbangkan oleh atau timbul daripada:-

- 1) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, keganasan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, kebangkitan, undang-undang tentera, rampasan kuasa atau rampasan ketenteraan.
- 2) Radiasi terion atau pencemaran akibat radioaktiviti daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahanapi nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini, Pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
- 3) Bahan senjata nuklear.
- 4) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini dijangkiti atau mungkin dinamakan.

#### BAHAGIAN V – SYARAT AM

##### 1) KENYATAAN SELARAS DENGAN JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

Jika Pihak Diinsuranskan memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata di dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan ini. Pihak Diinsuranskan dikehendaki menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau apabila Pihak Diinsuranskan memohon untuk insurans ini) dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah di dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans Pihak Diinsuranskan dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan ini, Pihak Diinsuranskan dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Pihak Diinsuranskan tahu akan mempengaruhi keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Pihak Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Pihak Diinsuranskan memohon untuk insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Jadual Polisi dan Jadual Manfaat hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ekspresi yang mana maksud spesifik telah ditakrifkan di dalam mana-mana bahagian polisi ini atau di dalam Jadual atau Manfaat akan membawa maksud spesifik yang sama di mana sahaja ia tertera.

##### 2) NOTIS ATAU KOMUNIKASI DENGAN SYARIKAT

Setiap notis atau komunikasi yang diberi atau dibuat di bawah Polisi ini hendaklah dihantar secara bertulis ke Ibu Pejabat atau Pejabat Cawangan terdekat Syarikat. Sebarang perubahan atau pindaan terma, pengendorsan, syarat atau apa jua perkara di dalam Polisi tidak sah kecuali ia diluluskan oleh Wakil Dibenarkan Syarikat dan kelulusan tersebut telah diendorkan di sini dan ditandatangani.

##### 3) PEMBAHARUAN

Ia bukan kewajiban bagi Syarikat untuk memberi notis apabila apa-apa premium untuk pembaharuan perlu dijelaskan dan premium tersebut akan dianggap telah perlu dibayar pada tarikh Polisi tamat. Syarikat tidak terikat untuk menerima apa-apa pembaharuan dan tidak menanggung sebarang liabiliti berkenaan dengan sebarang kecederaan

tubuh badan akibat kemalangan yang dialami oleh mana-mana Pihak Diinsuranskan selepas tahun di mana Pihak Diinsuranskan mencapai umur 60 tahun. Sebarang pembaharuan Polisi ini selepas Pihak Diinsuranskan telah mencapai umur 60 tahun adalah pilihan Syarikat Sepenuhnya.

#### 4) PEMBATALAN

- a) Polisi ini boleh dibatalkan oleh Syarikat pada bila-bila masa dengan memberi notis empat belas (14) hari melalui pos berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui, dan jika ia berlaku Syarikat akan, apabila dituntut, membayar balik bahagian perkadaran premium terakhir dibayar untuk tempoh belum luput Polisi.
- b) Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan pada bila-bila masa dengan memberi notis empat belas (14) hari melalui pos berdaftar Ibu Pejabat berdaftar Syarikat, dan jika ia berlaku, Pihak Diinsuranskan berhak mendapat kembali premium ditolak sebarang premium yang perlu dibayar kepada Syarikat berdasarkan Kadar Jangka Pendek Syarikat untuk tempoh di mana polisi telah berkuat kuasa.

#### 5) PERUBAHAN RISIKO

- a) Pihak Diinsuranskan dikehendaki memberi notis bertulis serta-merta kepada Syarikat mengenai sebarang perubahan nama, kediaman, perniagaan, pekerjaan, hobi serta sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau keuzuran yang dialami oleh Pihak Diinsuranskan, atau yang telah disedari olehnya.
- b) Pihak Diinsuranskan dikehendaki memberi notis serta-merta kepada Syarikat mengenai mana-mana insurans atau insurans-insurans yang berkaitan dengan Kemalangan Diri atau Liabiliti Peribadi yang telah berkuat kuasa melindungi sebarang kerugian, kecederaan tubuh badan atau kerosakan yang diinsuranskan terhadapnya dan kecuali notis tersebut telah diberikan dan butiran insurans atau insurans-insurans telah dinyatakan di dalam atau diendokorkan kepada Polisi ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan, maka semua manfaat di bawah Polisi ini akan dibatalkan.

#### 6) PROSEDUR TUNTUTAN (BAHAGIAN I – KEMALANGAN DIRI)

- a) Apabila berlaku apa-apa kemalangan yang menyebabkan timbulnya tuntutan di bawah Bahagian I polisi ini, Pihak Diinsuranskan mestilah memberi notis kepada Syarikat tempoh 14 hari daripada berlakunya kejadian dengan menyatakan butiran lengkap kemalangan dan kecederaan dan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan dan pembedahan yang wajar.
- b) Pihak Diinsuranskan atau wakil peribadi sah beliau dikehendaki menggunakan perbelanjaan sendiri untuk menyediakan semua sijil, maklumat dan bukti yang mungkin diminta dan perlu diserahkan kepada Syarikat dan ia hendaklah dalam bentuk dan cara yang mungkin ditetapkan oleh Syarikat dan Pihak Diinsuranskan dikehendaki, apabila diperlukan sewajarnya untuk berbuat demikian, melakukan pemeriksaan perubatan bagi pihak Syarikat menggunakan perbelanjaan sendiri. Jika Pihak Diinsuranskan meninggal dunia, Syarikat berhak melakukan pemeriksaan bedah siasat dengan perbelanjaan sendiri dan notis akan diberikan kepada Syarikat sewajarnya sebelum pengebumian atau pembakaran dengan menyatakan masa dan tempat di mana sebarang inkuies dilakukan. Waktu amat penting untuk syarat ini.
- c) Penerima serah-hak tidak layak mendapat sebarang manfaat di bawah Polisi ini kecuali yang dibayar apabila berlaku kematian.

#### 7) PROSEDUR TUNTUTAN (BAHAGIAN III – LIABILITI PERIBADI)

- a) Pihak Diinsuranskan dikehendaki memberi notis dengan segera kepada Syarikat mengenai sebarang kemalangan atau tuntutan atau prosiding yang mungkin menyebabkan timbulnya tuntutan di bawah Bahagian III sebaik sahaja mengetahuinya. Apabila berlaku kejadian kemalangan yang mana telah menimbulkan tuntutan, Pihak Diinsuranskan hendaklah bertindak sewajarnya untuk mengekalkan sebarang peralatan atau barangan sama ada rosak atau defektif atau mungkin dibuktikan sebagai perlu atau berguna sebagai bukti yang berkaitan dengan apa-apa tuntutan dan setakat yang boleh tanpa pindaan atau pembaikan dibuat kepada mana-mana barangan yang berkenaan dengan atau terlibat di dalam

kemalangan tersebut tanpa mendapat kebenaran bertulis Syarikat terlebih dahulu.

#### b) Prosiding undang-undang

Tanpa kebenaran bertulis dari Syarikat, Pihak Diinsuranskan tidak akan menolak liabiliti, berunding atau membuat pengakuan, tawaran, janji untuk membayar berkaitan dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan dan Syarikat berhak untuk mengambil alih jika perlu dan melakukan tuntutan pembelaan di bawah nama Pihak Diinsuranskan atau melakukan pendakwaan di bawah nama Pihak Diinsuranskan dengan perbelanjaan Syarikat dan untuk faedah sendiri sebarang tuntutan untuk indemniti atau kerosakan atau sebaliknya terhadap mana-mana orang dan mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan dan Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti yang Syarikat mungkin diperlukan.

- c) Syarikat mungkin, jika berlaku apa-apa kemalangan, membayar kepada Pihak Diinsuranskan Had Indemniti yang dinyatakan di dalam Jadual yang dinyatakan di sini tetapi ditolak daripadanya (sebarang jumlah amaun yang telah dibayar sebagai pampasan tersebut) atau sebarang jumlah yang lebih rendah yang mana tuntutan atau tuntutan-tuntutan yang timbul daripada kemalangan tersebut boleh diselesaikan dan Syarikat selepas itu tidak lagi menanggung sebarang liabiliti selanjutnya yang berkaitan dengan kemalangan tersebut kecuali bagi pembayaran kos dan perbelanjaan litigasi yang ditanggung sebelum tarikh pembayaran Had Indemniti atau jumlah yang lebih rendah tersebut.

#### 8) KEMATIAN/HILANG

Kematian Pihak Diinsuranskan akan ditentukan oleh Sijil Kematian Rasmi atau jika hilang, melalui Arahan Mahkamah yang mengandaikan kematiannya.

#### 9) TIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua orang Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju, Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara serta mengengerusikan mesyuarat dan keputusan mengenai Award akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap Syarikat. Jika Syarikat menafikan liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut bukan masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian dirujuk kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut polisi ini.

Pematuhan dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak yang menuntut di bawah Polisi ini setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak yang menuntut di bawah Polisi ini dan kebenaran kenyataan dan jawapan di dalam borang cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

#### 10) BAYARAN SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi syarat khas asas dan amat penting di dalam kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dijelaskan mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula.

### BAHAGIAN VI – WARANTI/PENGENDORSAN

Pengendorsan yang mana berkenaan sebagaimana dinyatakan di dalam jadual polisi.

#### 1) PENGENDORSAN PEKERJAAN KELAS 1



Kelas profesional dan saudagar dan mereka yang terlibat di dalam tugas pengkeranian atau pentadbiran (bukan penyeliaan atau terlibat dalam buruh kasar).

#### 2) PENGENDORSAN PEKERJAAN KELAS 2

Penyeliaan tetapi tidak melibatkan tenaga buruh, Pengembara Komersial, Pemilik Kedai dan Pembantu Kedai (tidak menggunakan peralatan atau mesin)

#### 3) PENGENDORSAN PEKERJAAN KELAS 3

Ketua peniaga (bekerja) tidak termasuk sebarang pekerjaan atau perniagaan merbahaya, Pemilik Kedai dan Pembantu Kedai (selain daripada Kelas 2 di atas), Pemandu atau Kelindan Lori.

#### 4) PENGENDORSAN BENEFISIARI

Sebarang manfaat yang mungkin perlu dibayar di bawah Polisi ini yang berkaitan dengan kematian Pihak Diinsuranskan yang telah diserahkan kepada Benefisiari yang dinamakan di dalam Jadual namun satu resit penerimaan penyelesaian penuh oleh wasi atau pentadbir Benefisiari Pihak Diinsuranskan akan menjadi pelepasan sepenuhnya di bawah Polisi ini.

### NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

### BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

#### Unit Pengendalian Aduan

RHB Insurance Berhad  
Aras 12B, West Wing, The Icon  
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,  
55000 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-220-007  
Faks: 03-2163 7277  
E-mel : complaints\_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

**Anda** boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

#### Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2272 2811  
Faks: 03-2272 1577  
E-mel : enquiry@ofs.org.my  
Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

#### BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-88-5465 (LINK)  
Faks: 03-2174 1515  
E-mel : bnmtelink@bnm.gov.my  
Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

**HEAD OFFICE / IBU PEJABAT**

Level 12, West Wing, The Icon,  
No.1, Jalan 1/68F,  
Jalan Tun Razak,  
55000 Kuala Lumpur  
Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729  
Website : [www.rhbgroup.com/insurance](http://www.rhbgroup.com/insurance)

**CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER  
KHIDMAT PELANGGAN**

Level 1, Tower Three, RHB Centre,  
Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-220-007 Fax : 03 – 2163 7277  
Email : [rhbi.general@rhbgroup.com](mailto:rhbi.general@rhbgroup.com)

**CALL CENTRE /  
PUSAT PANGGILAN**

Claims Inquiries : 03 - 2180 3030